

Headline	SESB disaran aplikasikan penggunaan tenaga baharu		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	15 Nov 2013	Color	Full Color
Section	Semasa	Circulation	22,425
Page No	2	Readership	134,550
Language	Malay	ArticleSize	278 cm ²
Journalist	BALQIS JAMALUDIN	AdValue	RM 1,390
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,170



SESB disaran aplikasikan penggunaan tenaga baharu

OLEH BALQIS JAMALUDIN
balqis@newsabahtimes.com.my

KOTA KINABALU: Kerajaan Negeri menyarankan Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) menerokai dan mengaplikasikan penggunaan tenaga baharu sebagai sumber tambahan kepada tenaga sedia ada.

Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Haji Aman berkata, sumber tenaga baru yang lebih efisien, murah, senang diselenggara dan mesra alam juga dapat menyokong usaha-usaha ke arah pembangunan tenaga lestari yang mampan.

"Bagaimanapun, penggunaan sesuatu sumber tenaga yang baru hasuslah mendapat persetujuan bersama antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan, syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) serta semua pihak yang terlibat.

"Segala perancangan dan juga cadangan perlu dibincang bersama antara semua pihak untuk memastikan pelaksanaan sesuatu program atau projek berjalan dengan lancar dan seperti yang diharapkan," kata Musa ketika berucap di Majlis Perasmian Persidangan Tenaga Lestari 2013, di sini, kelmarin.

Dalam pada itu katanya, walaupun bekalan tenaga di negeri ini menunjukkan penurunan

bilangan gangguan bekalan yang signifikan, tetapi ia masih belum mencapai tahap yang dituntut oleh semua pihak yang berkepentingan dan para pengguna pada keseluruhannya.

Katanya, sekiranya perkara ini berterusan, ia akan memberi kesan negatif kepada usaha-usaha memacu pembangunan negeri.

"Keyakinan para pelabur, kestabilan urusan perniagaan, kesejahteraan hidup setempat dan kebolehpercayaan rakyat kepada Kerajaan mungkin akan terjejas," katanya.

Namun katanya, Kerajaan Negeri sedar bahawa kos operasi untuk pembekalan elektrik adalah amat besar dan memerlukan bantuan, kefahaman dan sokongan semua pihak.

Selain harga pasaran peralatan dan kos selenggaraan yang tinggi, pihak SESB dan pembekal persendirian juga terpaksa berhadapan dengan harga sumber kuasa tenaga seperti minyak yang tidak menentu, katanya.

Oleh itu, Kerajaan Negeri sentiasa mengiktiraf dan menghargai segala usaha Kerajaan Persekutuan dan SESB untuk meningkatkan daya mampu dan daya harap penjanaaan, penghantaran dan pembahagian bekalan elektrik di seluruh pelusok negeri.

"Kita juga bersedia memberikan kerjasama

dan sokongan bagi menjayakan segala usaha penambahbaikan ini," katanya.

Turut hadir, Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr. Maximus Ongkili, Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Pembangunan Infrastruktur, Tan Sri Joseph Pairin Kitingan, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Tawfiq

Abu Bakar Titingan, Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Nor Aini Abdul Wahab, Pengerusi Lembaga Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA), Datuk Dr. Yee Moh Chai, dan Pengurus Besar Kanan (Pembangunan Aset) SESB, Ir. Abdul Nassier Abd Wahid.



LANCARKAN ... Musa ketika merasmikan Persidangan Tenaga Lestari 2013, kelmarin. Turut kelihatan dari kiri Dr Yee, Maximus dan Tawfiq.